



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

ASWARA memerlukan kumpulan baru yang terdiri daripada individu yang dinamik, kreatif, inovatif, bermotivasi tinggi untuk bekerja dengan semangat berpasukan dan meminati serta menghargai bidang seni budaya dan warisan bagi merealisasikan misi dan visi penubuhan ASWARA.

Warganegara Malaysia yang mempunyai tahap keyakinan serta berintegriti tinggi, bersedia menghadapi cabaran untuk menyertai dunia pendidikan seni budaya dan warisan adalah dialu-alukan untuk mengisi jawatan berikut :-

BIL	JAWATAN	PENEMPATAN	KADAR UPAH	TARAF JAWATAN
1.	PEGAWAI PERSONEL MySTEP	BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT	RM1,800.00 (MIN) – RM2,000.00 (MAKS)	KONTRAK

KEMUDAHAN : Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan PERKESO.

DESKRIPSI TUGAS :

- Menghasilkan video-video rasmi program/ acara/ majlis di ASWARA dan menyelaras kandungan video-video promosi dan publisiti ASWARA (video editing).
- Menyelaras dan merancang pengurusan media sosial rasmi ASWARA – Facebook/ Twitter/ Instagram/ Youtube dan Portal ASWARA.

KEMAHIRAN :

- Kemahiran berkomunikasi Bahasa Melayu dengan baik dan Inggeris dengan sederhana;
- Kreatif dalam kandungan di media sosial rasmi ASWARA;
- Berpengetahuan dalam pengurusan produksi;
- Berkemampuan menguasai bidang fotografi dan videografi;
- Berkemahiran menyunting gambar menggunakan Lightroom dan Photoshop;
- Berkemahiran menggunakan Microsoft Words dan Power Point;
- Berkemahiran menyunting video dengan menggunakan aplikasi penyuntingan video seperti Adobe Premiere Pro/ Final Cut Pro/ Sony Vegas.

SYARAT-SYARAT :

KRITERIA LANTIKAN

- Warganegara Malaysia;
- Berumur antara 18 hingga 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

- Kadar Upah (mengikut output tugas). Kadar upah akan ditentukan melalui hasil kerja yang tercapai oleh Personel MySTEP berpandukan kompleksiti tugas tahap kelayakan akademik dan kadar upah mengikut tempoh perkhidmatan sebulan termasuk caruman KWSP dan PERKESO.
- Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CATATAN AM

- Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga jawatan ini ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
- Permohonan yang tidak menerima sebarang **jawapan dalam tempoh satu (1) bulan** daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap **tidak berjaya**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

19 JANUARI 2022 (RABU)

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Perjawatan ASWARA** yang boleh diperolehi dengan memuat naik borang tersebut di **laman Web ASWARA** iaitu di www.aswara.edu.my
- b) Permohonan yang telah dilengkapkan perlu disertakan dengan sekeping gambar terbaharu berukuran passport, salinan sijil kelahiran, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil persekolahan dan kelulusan, *resume* dan dokumen-dokumen sokongan serta sijil-sijil yang berkaitan yang **telah disahkan**.
- c) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah di tulis pada sudut atas **sebelah kiri sampul surat nama jawatan yang dipohon** dan dihantar ke alamat seperti berikut :-

Rektor
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
464, Jalan Tun Ismail,
50480 KUALA LUMPUR.
(u.p: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
Tel : 03-2778 5940/ 2001/ 5938